



Ruj. Kami : JPA.600-5/4/50(33)
Tarikh : 2 September 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29/DV30/DV36/DV38/DV40 KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV42 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Gred DV29/DV30/DV36/DV38/DV40 ke jawatan **Pegawai Latihan Vokasional Gred DV42**. Sehubungan itu, PPLV yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan pemangkuan ini.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ tuan/ puan, keterangan berhubung syarat-syarat permohonan, prosedur dan dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- 3.1 **Lampiran 1** – Syarat-syarat permohonan;
- 3.2 **Lampiran 2** – Prosedur permohonan;
- 3.3 **Lampiran A** – Borang Permohonan Pemangkuan;
- 3.4 **Lampiran B** – Borang Perakuan Ketua Jabatan;
- 3.5 **Lampiran C** – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;

...2/-

- 3.6 **Lampiran D** – Senarai maklumat PPLV yang layak;
 - 3.7 Surat **Perisytiharan Harta** telah diambil maklum oleh Ketua Jabatan;
 - 3.8 Surat keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM** terkini;
 - 3.9 Surat pengesahan **penyelesaian pinjaman pendidikan** sekiranya ada;
 - 3.10 Salinan **LNPT** bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 yang disahkan;
 - 3.11 Salinan **skrol** dan **transkrip** Ijazah Sarjana Muda yang disahkan; dan
 - 3.12 Cetakan **pengiktirafan kelayakan** Ijazah Sarjana Muda **daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-Sisraf)** yang disahkan; atau
 - 3.13 Salinan slip **keputusan peperiksaan kenaikan pangkat ke jawatan PLV Gred DV42** yang disahkan.
4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ tuan/ puan, urusan pengisian jawatan Gred DV42 ini akan melibatkan penempatan di seluruh Agensi Persekutuan. Oleh itu, pegawai yang bersetuju untuk memangku jawatan ini **disyaratkan tidak boleh bertukar keluar dari penempatan yang akan diberikan dan perlu kekal di penempatan tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.**
5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk mengambil tindakan berikut:
- 5.1 **memaklumkan iklan** pemangkuan ini kepada PPLV yang layak termasuk pegawai yang sedang cuti belajar;
 - 5.2 **menyemak dan mengesahkan semua maklumat** yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai yang terkini. BPK tidak perlu dikemukakan ke JPA. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh PSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan dan tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas pihak yang berkenaan;


- 5.3 **memastikan** hanya **permohonan yang memenuhi syarat sahaja dikemukakan** kepada Jabatan ini;
 - 5.4 **mengemukakan maklumat senarai PPLV yang layak** seperti di **Lampiran D** ke alamat e-mel **zalina.morad@jpa.gov.my** **sebelum atau pada 02 Oktober 2024 (Rabu)**;
 - 5.5 **mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap** bagi PPLV di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi ke JPA sebelum atau pada **02 Oktober 2024 (Rabu)**; dan
 - 5.6 mengambil maklum bahawa permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.
6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Sri/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian..

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

2. **YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

3. **YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

4. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA

5. **YBhg. Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA